

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA HOCK CHEH**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 56**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada harga maksima/siling akan ditetapkan bagi harga tiket penerbangan semasa musim puncak. Jikalau tiada, mengapakah syarikat penerbangan diberi layanan istimewa (preferential treatment).

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan mengatasi masalah kenaikan harga tambang semasa musim puncak khususnya semasa musim perayaan, YB Menteri Pengangkutan dalam mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 antara lainnya telah memutuskan supaya Kerajaan tidak menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya ia dilaksanakan.
2. Bagi tujuan mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, Kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Dalam hubungan ini, orang ramai disaran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian pada saat akhir.
3. Memandangkan langkah untuk mewujudkan penerbangan tambahan didapati berjaya mengurangkan harga tiket penerbangan khususnya pada musim perayaan, maka Kerajaan akan terus mengguna pakai kaedah ini pada masa hadapan. Pihak Kementerian hanya akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik sekiranya kaedah untuk menambah penerbangan tambahan tidak berjaya menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang sempena musim perayaan.

**NO. SOALAN : 56**

4. Ketetapan berhubung harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik terpakai kepada semua syarikat penerbangan negara tanpa sebarang layanan istimewa (*preferential treatment*) diberikan terhadap sesbuah syarikat penerbangan.
5. Manakala kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Harga siling yang ditetapkan ini adalah tidak termasuk dengan bayaran lain seperti cukai, yuran dan caj. Penetapan ini adalah berdasarkan perjanjian *Public Service Obligation Agreement for Rural Air Services (PSO for RAS)* dengan MASwings Sdn. Bhd. (MASwings) pada 4 Januari 2019 bagi meneruskan penyediaan operasi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) di Sabah dan Sarawak untuk tempoh 6 tahun iaitu bermula 2019 hingga 2024.

Sekian, terima kasih.